

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan tentang pelan Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 dengan lebih terperinci. Apakah manfaat dan kesan drastik kepada rakyat yang ketika ini cukup tertekan dengan masalah ekonomi akibat peningkatan kos sara hidup.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah merangka satu wawasan baharu iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019. Ia adalah strategi yang lebih holistik bermula daripada tahun 2021 hingga 2030.
2. Objektif pertama WKB adalah untuk menumpukan kepada ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat. Dalam konteks ini, Kerajaan akan menumpukan kepada ekonomi bernilai tinggi yang mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat seterusnya meningkatkan kuasa membeli rakyat.

3. Selain memperkuat sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, tumpuan akan diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi. Penstrukturan semula ekonomi ini akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat.

4. Objektif kedua WKB menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan, wilayah, rangkaian bekalan dan etnik. Bagi menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, Kerajaan yakin tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan. Selain daripada itu, Teras Strategik 5 WKB iaitu Kesejahteraan Sosial memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40. Antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah memperkasakan sistem perlindungan sosial, menggalakkan program kesedaran kewangan dan mengintegrasikan pangkalan data bagi memastikan bantuan dapat diberikan kepada kumpulan sasaran.

5. Dalam merapatkan jurang ekonomi antara wilayah, Kerajaan komited untuk memastikan pembangunan dilakukan secara saksama dan inklusif bagi memastikan pembangunan ekonomi tidak tertumpu di kawasan tertentu sahaja. Dalam hubungan ini, pemetaan kawasan titik panas ekonomi, dengan izin, *economic hot spots* akan dilaksanakan bagi mengenalpasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berasaskan kepada kekuatan dan keunikan kawasan tersebut. Pengurusan ekonomi yang teragih dan adil akan dilaksanakan dengan memperkuat logistik dan fasilitasi perdagangan, meningkatkan kebolehcapaian internet serta menambah baik infrastruktur awam meliputi jaringan jalan raya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

6. Dari segi rangkaian bekalan, data menunjukkan masih terdapat jurang yang lebar dalam pelbagai lapisan rangkaian bekalan. Sebagai contoh, Kajian Pasaran Sektor Makanan yang dijalankan oleh MyCC berkaitan pemasaran ikan mendapati pemborong utama menaikkan

harga sehingga enam kali dalam rantai pemasaran ikan tempatan dengan mengambil keuntungan antara 60% hingga 75% di setiap lapisan rantai. Dalam rantai ini, nelayan merupakan kumpulan yang paling sedikit mendapat keuntungan. Perkara ini tidak setimpal dengan titik peluh nelayan untuk mencari rezeki. Sehubungan itu, Kerajaan akan memastikan penyertaan yang lebih adil dalam rantai bekalan.

7. Sementara itu, seiring dengan semangat Wawasan Kemakmuran Bersama, dalam meningkatkan taraf hidup rakyat dalam berdepan dengan peningkatan kos sara hidup pelbagai usaha telah pun dijalankan oleh Kementerian dan Agensi. Usaha-usaha tersebut termasuklah:

- I. Melaksanakan dasar yang bertujuan untuk membantu dalam meningkatkan pendapatan rakyat khususnya isi rumah B40. Oleh yang demikian, menyedari keperluan dan kepentingan untuk memastikan kadar gaji dapat menampung suasana kenaikan kos sara hidup, Kerajaan mencadangkan supaya gaji minimum ditingkatkan pada kadar RM1,200 sebulan hanya di wilayah bandar-bandar utama berkuat kuasa pada tahun 2020.
- II. Mengadakan pelbagai program bagi menangani masalah pengangguran dan kebolehpasaran graduan. Bagi mengelakkan golongan ini daripada menghadapi masalah kos sara hidup, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah intervensi. Antara intervensi-intervensi yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan adalah Kerajaan akan melaksanakan dua program yang dibiayai melalui dana Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) iaitu *Apprenticeship dan Graduate Enhancement Programme For Employability* (GENERATE). Program ini dijangka akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan bagi seramai 4,000 orang belia lepasan sekolah dan graduan dengan peruntukan RM 20 juta berbentuk geran sepadan.

- III. Melaksanakan pelbagai program bantuan isi rumah B40 bagi meringankan beban kos sara hidup. Program ini merangkumi bantuan yang disalurkan dalam bentuk tunai, barangan, jaminan dan perkhidmatan. Antara program-program tersebut adalah seperti Bantuan Sara Hidup (BSH); pelaksanaan program yang membantu pembelian rumah seperti pengecualian duti setem serta kemudahan pinjaman bagi pembeli rumah pertama dan penyediaan kedai harga patut seperti Coop Mart.

8. Segala usaha Kerajaan ini adalah seiring dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama dalam memastikan Malaysia dapat menjadi sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia. Ini adalah untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia mengecapi taraf hidup wajar atau dengan izin, "*decent standard of living*" menjelang tahun 2030.

Sekian, terima kasih.